



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

PELAN PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI (PPRO)

JABATAN
AUDIT NEGARA

2026-2030





JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

PELAN PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI (PPRO)

JABATAN
AUDIT NEGARA **2026-2030**



Diterbitkan oleh:

JABATAN AUDIT NEGARA

Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya

t +603 - 80911000
f +603 - 80911454
e jbaudit@audit.gov.my

©Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh digunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang cara, sama ada elektronik atau mekanikal termasuklah salinan semula, rakaman ataupun lain-lain cara penyimpanan maklumat, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pemilik hak cipta.

KANDUNGAN

Perutusan Ketua Audit Negara	2
Ringkasan Eksekutif	4

01 PENGENALAN

1.1 Fungsi Jabatan	8
1.2 Peranan Jabatan	10
1.3 Visi, Misi dan Objektif	11
1.4 Nilai Utama	12
1.5 Kod Etika Juruaudit	13

02 ISU DAN CABARAN

2.1 Menangani Rasuah	16
2.2 Pindaan Akta Audit 1957 Diluluskan Di Dewan Negara	19
2.3 Perbahasan Laporan Ketua Audit Negara Di Dewan Rakyat	20
2.4 Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan	21

03 MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

3.1 Kerangka Utama	26
3.2 Bidang Keutamaan: Pengauditan	27
3.3 Bidang Keutamaan: Pengurusan	31

04 PELAKSANAAN, PEMANTAUAN PENILAIAN

4.1 Pelaksanaan dan Pemantauan	36
4.2 Penilaian	37
4.3 Semakan Semula Dan Pembaharuan	37

05 PENUTUP

Sekalung Penghargaan	40
----------------------	----

Perutusan Ketua Audit Negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Jabatan Audit Negara (JAN) sentiasa komited untuk memperkukuh integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam setiap aspek pengauditan, pengurusan serta penyampaian perkhidmatan. Komitmen ini merupakan asas utama bagi memastikan JAN melaksanakan amanah pengauditan negara secara berkesan, profesional dan berwibawa.

Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi (PPRO) 2026–2030 dirangka sebagai satu pelan strategik yang menyeluruh lima (5) tahun untuk mengenal pasti, mengurus dan mengurangkan risiko rasuah secara sistematik dalam operasi JAN. Pelan ini menyokong agenda reformasi pengauditan yang berasaskan risiko, berpaksikan integriti, serta memperkukuh peranan audit sebagai instrumen utama dalam pencegahan rasuah, pengukuhan tadbir urus dan peningkatan akauntabiliti sektor awam.

Selain itu, dalam menghadapi landskap pengauditan yang semakin kompleks, usaha pengantarabangsaan amalan pengauditan terus diperkasa bagi memastikan pendekatan JAN selari dengan piawaian antarabangsa, amalan terbaik global dan perkembangan profesional semasa. Seiring kemajuan teknologi, JAN juga turut mengintegrasikan kecerdasan buatan (AI) dan analitik data dalam pengauditan bagi meningkatkan kecekapan, ketepatan dan keberkesanan proses audit, khususnya dalam pengesanan awal risiko dan ketidakpatuhan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai yang terlibat dalam penyediaan PPRO 2026–2030 ini atas komitmen, dedikasi dan kerjasama yang ditunjukkan. Akhir kata, saya berharap pelan ini dapat dijadikan panduan strategik dalam memperkukuh integriti, mengurangkan risiko salah guna kuasa serta meningkatkan akauntabiliti di setiap lapisan pentadbiran, seterusnya memperkukuh keyakinan rakyat terhadap Jabatan Audit Negara dan tadbir urus negara secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.

“Seiring kemajuan teknologi, JAN juga turut mengintegrasikan kecerdasan buatan (AI) dan analitik data dalam pengauditan bagi meningkatkan kecekapan, ketepatan dan keberkesanan proses audit, khususnya dalam pengesanan awal risiko dan ketidakpatuhan.”

Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi
Ketua Audit Negara



Ringkasan Eksekutif



PPRO JAN 2026–2030

PPRO JAN 2026–2030 ialah manifesto integriti jabatan yang menegaskan komitmen strategik JAN untuk memperkukuh integriti secara inklusif, responsif dan selaras dengan pindaan Akta Audit 1957 (*Akta 62*), Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan (PPJ) dan pengaplikasian kecerdasan buatan (AI).

ARAHAN YAB PM NO. 1 TAHUN 2023

Inisiatif PPRO berlandaskan ketelusan, akauntabiliti dan keberkesanan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2023 (Siri 2 No.2 Tahun 2024) Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Pelaksanaan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional.

BIDANG KEUTAMAAN PPRO

PPRO JAN 2026–2030 menumpukan pada dua (2) Bidang Keutamaan iaitu Pengauditan dan Pengurusan. Sebanyak 20 inisiatif strategik akan dilaksanakan bagi memperkukuh kawalan dalaman, kecekapan pengauditan dan pengurusan risiko.

ASPIRASI JABATAN AUDIT NEGARA

PPRO JAN 2026–2030 menetapkan hala tuju yang komprehensif dan berfokus bagi memperkukuh budaya integriti serta meminimumkan risiko rasuah dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Dengan komitmen berterusan semua warga JAN, pelaksanaan PPRO ini diyakini dapat direalisasikan secara berkesan seterusnya menyumbang kepada pengukuhan tatakelola, akauntabiliti dan kepimpinan JAN sebagai institusi pengauditan tertinggi yang berintegriti di peringkat nasional dan antarabangsa.

01

PENGENALAN





**“Rasulullah SAW
melaknat pemberi rasuah
dan penerima rasuah.”**

Hadis Riwayat
Abu Dawud, At-Tirmizi, Ibnu Majah

Maksud:

Rasuah adalah dosa besar, kedua-dua pihak iaitu pemberi dan penerima mendapat laknat kerana sama-sama terlibat dalam perbuatan menyeleweng.

1.1

Fungsi Jabatan Audit Negara



JAN bertanggungjawab memastikan pengurusan wang Kerajaan bebas daripada penyelewengan, ketirisan dan salah guna sekali gus menyokong tadbir urus yang telus dan berakauntabiliti.

Fungsi utama Ketua Audit Negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 (Akta 62) meliputi pengesahan terhadap penyata kewangan, memastikan pengurusan kewangan mematuhi undang-undang, menilai kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan program dan aktiviti Kerajaan serta pengurusan Syarikat Kerajaan.



Pindaan Akta Audit 1957 pada tahun 2024 memperluas kuasa KAN melalui peluasan bidang kuasa pengauditan ke atas badan-badan lain termasuk Syarikat, pendekatan “*follow the public money*”, kuasa KAN mengeluarkan garis panduan audit dan memberikan syor terhadap ketakakuran serius.

Laporan Ketua Audit Negara yang dibentang dan dibahaskan di Dewan Rakyat, memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap ketelusan pengurusan wang Kerajaan.



1.2

Peranan Jabatan Audit Negara



PENGAUDITAN YANG MENJADI TERAS AKTIVITI JAN

1



Pengauditan
Kewangan

2



Pengauditan
Prestasi

3



Pengauditan
**Pengurusan Syarikat
Kerajaan / Dana Lain**

JAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA



- **Pengerusi** INTOSAI Working Group on Follow-up Audit (WGFA)
- **Ahli Jawatankuasa** Pemandu INTOSAI Knowledge Sharing Committee (KSC Steering Committee)



- **Pengerusi** ASOSAI Working Group State-Owned Enterprise Audit (WGSOEA)
- **Naib Pengerusi** ASOSAI Working Group Regional and Municipal Audit (WGRMA)
- **Ahli Lembaga**
Pengelola ASOSAI (ASOSAI Governing Board)



- **Pengerusi** ASEANSAI Knowledge Sharing Committee (KSC)

1.3

Visi, Misi Dan Objektif Jabatan Audit Negara

VISI

Sebagai Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa

MISI

Melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan

OBJEKTIF

- Menyediakan laporan audit pada masanya untuk dikemukakan kepada Parlimen / Dewan Undangan Negeri
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan adil
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada pemegang taruh dan auditi
- Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan
- Menjadi Jabatan contoh dalam persekitaran sektor awam setaraf dengan negara maju

1.4

Nilai Utama Jabatan Audit Negara

BEBAS

Melaksanakan tugas tanpa dipengaruhi atau diancam

INTEGRITI

Berintegriti bagi memastikan hasil pengauditan boleh dipercayai

RELEVAN

Menyediakan maklumat yang tepat dan memenuhi kehendak pemegang taruh

PROFESIONAL

Melaksanakan tugas dengan profesional

Menanda aras kerja pengauditan dengan piawaian antarabangsa

AMANAH

Bertanggungjawab dan menjadikan sifat amanah sebagai asas dalam pasukan kerja

1.5

Kod Etika Juruaudit Jabatan Audit Negara

INTEGRITI




Melaksanakan tugas dengan amanah dan jujur serta mematuhi prinsip integriti dan melaporkan sebarang pelanggaran yang dikenal pasti.

BEBAS & OBJEKTIF



Membuat penilaian audit secara adil, saksama dan bebas daripada sebarang pengaruh kepentingan peribadi atau pihak lain.

KOMPETENSI



Memastikan peningkatan pengetahuan dan kemahiran profesional secara berterusan bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti.

TINGKAH LAKU PROFESIONAL



Menunjukkan tingkah laku profesional dengan menjaga imej, kredibiliti dan reputasi jabatan dalam setiap pelaksanaan tugas.

KERAHSIAAN & KETELUSAN



Melaporkan fakta audit secara tepat dan telus serta melindungi kerahsiaan maklumat selaras dengan peruntukan undang-undang.

KERJA BERPASUKAN



Mengamalkan kerjasama berpasukan yang berkesan dan saling menghormati bagi meningkatkan kualiti dan kredibiliti pengauditan.

02

ISU DAN CABARAN





“Pegawai awam dilarang menerima atau memberi apa-apa hadiah atau cenderahati yang berkaitan dengan pelaksanaan tugas rasmi mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung dan termasuk untuk pasangan atau wakil mereka.”

PPSM Ceraian U.P.7.2.5 dan Peraturan 8(1),
Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan
Tatatertib) 1993

2.1

Menangani Rasuah

- Jabatan Audit Negara (JAN) memikul amanah dalam melindungi wang awam melalui mandat yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Tanggungjawab ini menuntut juruaudit untuk melaksanakan pengauditan yang berkesan, profesional dan berwibawa, selaras dengan keperluan pihak berkepentingan serta harapan masyarakat.
- Bagaimanapun, cabaran dalam pelaksanaan pengauditan masih wujud. Ketirisan, pembaziran dan salah guna wang awam masih berlaku dalam beberapa kes. Selain itu, projek Kerajaan yang semakin kompleks, termasuk melalui kaedah penswastan dan *Public-Private Partnership* (PPP) menuntut juruaudit menghadapi kesukaran dalam capaian data, penilaian risiko dan memastikan tahap ketelusan yang optimum.
- Dalam konteks ini, pindaan Akta Audit 1957 (Akta 62) yang diluluskan oleh Parlimen pada Julai 2024 menegaskan komitmen Kerajaan untuk memperkukuh mekanisme semak dan imbang dalam pengurusan dana awam melalui pemerkasaan peranan dan fungsi JAN. Langkah ini memperkuat keupayaan pengauditan, meningkatkan ketelusan dan menyokong usaha Malaysia dalam mengekalkan prestasi integriti awam, termasuk memberi perkembangan positif kepada Malaysia dalam mengekalkan kedudukan negara di tempat ke-57 dalam *Corruption Perceptions Index* (CPI) pada tahun 2024.

CORRUPTION PERCEPTIONS INDEX 2024

53	Georgia
53	Poland
51	Mauritius
50	Malaysia
50	Vanuatu
49	Greece
49	Jordan
49	Namibia
49	Slovakia
47	Armenia

R:57

2.1.1 INDEKS PERSEPSI RASUAH MALAYSIA CORRUPTION PERCEPTIONS INDEX

Indeks Persepsi Rasuah atau lebih dikenali sebagai *Corruption Perceptions Index* (CPI) merupakan laporan kajian yang dilaksanakan oleh Transparency International (TI). Laporan ini merupakan ukuran antarabangsa terhadap tahap rasuah dalam sektor awam.

Malaysia mencatatkan skor CPI 47/100 pada tahun 2022 dan meningkat kepada skor 50/100 pada tahun 2023 dan kekal pada skor 50/100 pada tahun 2024,

Kedudukan Malaysia di peringkat global meningkat dari tangga ke-61 kepada 57 daripada 180 negara yang dinilai pada tahun 2024.

2.1.2 SASARAN CPI MENJELANG TAHUN 2033

Malaysia telah menetapkan sasaran untuk berada dalam kelompok 25 negara teratas dunia dalam CPI menjelang 2033:

- Untuk mencapai sasaran itu, Malaysia perlu memperoleh skor antara 68–70 daripada 100 mata. Ini bermakna dari skor semasa iaitu 50 peratus pada tahun 2024, Malaysia perlu ada peningkatan sekurang-kurangnya -2 mata setiap tahun sehingga 2033.

Tahun	Skor	Kedudukan Global
2022	47	61
2023	50 	57 
2024	50 	57 



2.1.3 PENARAFAN SEMULA RISIKO AGENSI 2023

- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 telah berkuat kuasa bagi tujuan menubuhkan Unit Integriti di semua agensi awam serta melaksanakan penarafan risiko organisasi sebagai langkah sistematik untuk memperkukuh tadbir urus dan integriti perkhidmatan awam.
- Pelaksanaan penarafan risiko Adalah usaha sama antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- SPRM telah melaksanakan Penarafan Semula Risiko JAN bagi tahun 2023 dan JAN telah dikategorikan dalam risiko **RENDAH** berbanding tahun 2020 dalam risiko **SEDERHANA**.

PENGKELASAN TARAF RISIKO

1. Tinggi
2. Sederhana
3. Rendah

KONTEKS PENARAFAN RISIKO

- Faktor ancaman (*threat*) bagi kesalahan rasuah
- Faktor kemudahterancam (*vulnerability*) iaitu kecenderungan berlakunya kesalahan rasuah



IBU PEJABAT
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
No. 2, Lebuhr Wawasan
Presint 7
62250 PUTRAJAYA



Tel : 03-8870 0000
Faks : 03-8870 0901
<http://www.sprm.gov.my>

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : SPRM BPIA 600-9/3/1 Jld. 26 (36)
Tarikh : 10 Jamadilawal 1445H
23 November 2023

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara
Aras 8, Blok F2, Kompleks F
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Lebuhr Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya

YBhg. Tan Sri /Dato' Sri /Dato' Sri /Datuk /Dato' /Tuan /Puan,

PEMAKLUMAN STATUS PENARAFAN SEMULA RISIKO TAHUN 2023 - JABATAN AUDIT NEGRA (JAN)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana dinyatakan di dalam perenggan 6 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) Ceraian SP.1.2.1 menetapkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penarafan risiko ke atas agensi awam pada setiap tiga (3) tahun sekali. Penarafan terdahulu telah dibuat pada tahun 2020 di mana JAN telah ditarafkan sebagai risiko **SEDERHANA**.

3. Berdasarkan data-data yang diperoleh daripada pihak SPRM bagi tempoh 2020 hingga 2022 dan juga maklumat yang dibekalkan oleh pihak JAN sendiri, hasil penarafan semula risiko tahun 2023 telah mendapati JAN dikategorikan sebagai risiko **RENDAH**.

4. Suruhanjaya ini merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada pihak JAN di atas komitmen yang telah dilaksanakan dalam usaha pencegahan rasuah di JAN sepanjang tempoh tiga (3) tahun yang lepas sehingga ditarafkan sedemikian. Pihak SPRM juga berharap agar komitmen yang sama dapat diteruskan dalam usaha mengurangkan risiko rasuah pada masa akan datang.

"RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA"

2.2

Pindaan Akta Audit 1957 Diluluskan Di Dewan Negara

Antara isu dan cabaran yang dihadapi JAN sebelum pindaan Akta Audit 1957 (*Akta 62*) berkuat kuasa adalah had skop audit yang tidak meliputi badan-badan termasuk syarikat dan persatuan yang menerima dana awam serta tiada peruntukan undang-undang mengenai kuasa Ketua Audit Negara (KAN) untuk membuat syor bagi menangani ketidakaturan serius yang telah berlaku semasa pengauditan dijalankan serta membuat susulan terhadap syor, ulasan atau pandangan KAN yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

Dalam menangani isu dan cabaran tersebut, pindaan kepada Akta 62 telah diluluskan pada bulan Julai 2024. Ianya adalah bertujuan untuk memperkasakan institusi KAN meliputi kewujudan kuasa baharu dan perluasan tugas serta penambahbaikan dalam aspek perjalanan kuasa dan pelaksanaan mandat KAN.



LIMA PRINSIP PINDAAN

Subperenggan 5(1)(d)(iii)

Pengauditan badan lain termasuk syarikat di mana Kerajaan mempunyai kepentingan dalam bentuk jaminan kewangan.

Subperenggan 5(1)(d)(iv)

Pengauditan melalui pendekatan *Follow the Public Money Audit* jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam menghendaki akaun itu diperiksa, disiasat dan diaudit dengan segera oleh KAN.

Seksyen 7A

Kuasa KAN untuk mengeluarkan apa-apa garis panduan bagi maksud menjalankan peruntukan Akta 62.

Subseksyen 9(4)

Kuasa KAN untuk membuat syor terhadap ketakteraturan serius yang telah berlaku.

Seksyen 9A

Kuasa KAN untuk melaksanakan susulan audit terhadap apa-apa syor, ulasan atau pandangan KAN dalam LKAN.

2.3

Perbahasan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Di Dewan Rakyat

Perbahasan LKAN di Dewan Rakyat ini adalah sebahagian daripada Reformasi Tadbir Urus Kerajaan untuk meningkatkan pengawasan dan akauntabiliti Kerajaan serta melibatkan secara aktif badan perundangan dalam menyemak penemuan Audit.

Perbahasan ini membolehkan isu ketidakpatuhan, kelemahan kawalan dalaman dan risiko penyelewengan diberi perhatian segera oleh semua pihak berkepentingan. Selain itu, penelitian berterusan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) memastikan setiap teguran audit dipantau dan disusuli dengan lebih berkesan, selaras dengan matlamat Kerajaan memperkukuh tadbir urus sektor awam.


Pada 6 Jun 2023, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Transformasi Institusi) telah membentangkan usul membahaskan LKAN buat pertama kalinya di Dewan Rakyat. Hal ini menunjukkan Kerajaan memandang serius isu dibangkitkan dalam LKAN seterusnya menyatakan segala isu membabitkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti dan diambil pengajaran.



2.4


Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan

Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan (PPJ) dilaksanakan bagi memantapkan pengurusan dan perkongsian data secara bersepadu bagi menghasilkan *output* berimpak tinggi serta pembuatan keputusan berpacuan data. Projek PPJ ini memberi keutamaan kepada elemen pembangunan produk data, pembangunan aplikasi teras dan aplikasi sokongan, visualisasi dan pengukuhan keselamatan JAN.



Langkah ini memperkukuh ketelusan, akauntabiliti serta pengesanan awal penyelewengan, sekali gus membantu meningkatkan skor *Corruption Perceptions Index* (CPI). Melalui PPJ, JAN berupaya mewujudkan *intelligent analysis* untuk menyokong perkhidmatan pengauditan dan pengurusan dalam memenuhi keperluan JAN serta pemegang taruh secara digital.

KOMPONEN PPJ



2.5

Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan

OBJEKTIF PPI

1

Memperkasa perkhidmatan JAN bagi menyokong perubahan dasar dan teknologi baharu ke arah pendigitalan yang mampan.

2

Memantapkan pengurusan data secara bersepadu, perkongsian data merentasi agensi dan analitis data raya bagi menghasilkan output serta pengauditan berimpak tinggi.

3

Memperkukuh infrastruktur rangkaian dan keselamatan ICT bagi penyampaian perkhidmatan yang efektif serta menjamin data yang selamat dan berintegriti.



03

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH





“Tunaikan amanah kepada siapa yang mengamanahkan kepada kamu dan jangan kamu khianat siapa yang mengkhianati kamu.”

Riwayat Ahmad, Al-Tirmidzi dan Abu Daud

3.1

Kerangka Utama

VISI

Institusi Audit yang berintegriti, profesional, bersih dan berkecuali daripada rasuah

MATLAMAT

Mempertingkatkan tadbir urus dan kawalan dalaman Jabatan bagi menutup ruang serta peluang berlakunya rasuah dan salah guna kuasa.

Usaha berterusan dalam menambahbaik kaedah pengauditan melalui ekosistem mampan.

Membudayakan amalan berintegriti melalui pembelajaran berterusan, pemantauan dan intervensi berkesan.

BIDANG KEUTAMAAN

Pengauditan

Pengurusan

STRATEGI

- Memperkasa pengauditan sektor awam
- Mempertingkatkan kecekapan tatakelola pengauditan
- Mengoptimumkan Keberkesanan Pengauditan

- Memperkasa pengurusan jabatan
- Mempertingkatkan kecekapan tatakelola pengurusan
- Mengoptimumkan Keberkesanan Pengurusan

3.2

Bidang Keutamaan Pengauditan

- Memperkasa pengauditan sektor awam
- Mempertingkatkan kecekapan tatakelola pengauditan
- Mengoptimumkan keberkesanan pengauditan

Berkaitan ketidakpatuhan, salah guna kuasa, ketirisan maklumat dan konflik kepentingan

Diterajui oleh Sektor, Bahagian, Unit dan JAN Negeri

STRATEGI



SUB-STRATEGI



RISIKO



PELAN TINDAKAN



PENERAJU



- Memantapkan pelaksanaan proses pengauditan secara sistematik dan berstruktur
- Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengauditan
- Meningkatkan kecekapan melalui tindakan reflektif yang segera
- Membudayakan amalan integriti melalui Kod Etika Juruaudit

11 plan tindakan spesifik

STRATEGI 1: MEMPERKASA PENGAUDITAN SEKTOR AWAM

No.	Pelan Tindakan	Tempoh Masa	Peneraju
Sub Strategi 1.1: Memantapkan Pelaksanaan Proses Pengauditan Secara Sistemik Dan Berstruktur			
1.	Mengemas kini dan menjadikan Kod Etika Juruaudit sebagai peraturan bertulis yang muktamad dan menjadi rujukan utama dalam pelaksanaan tatekelola pengauditan.	2026-2027	BDA
2.	Pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pelaksanaan dan amalan Kod Etika Juruaudit.	2026-2030	SAK, SAP, SAS, JAN Negeri
3.	Memperkemaskan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan (GPPK) bagi pengauditan yang dijalankan oleh FAS.	2026-2027	SAK
4.	Pengharmonian Panduan Pengauditan selaras dengan Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan (PPJ).	2026-2027	SAK, SAP, SAS
Sub Strategi 1.2: Meningkatkan Ketelusan Dan Akauntabiliti Dalam Pengauditan			
5.	Mewujudkan pengasingan tugas dan koordinasi pelaporan bagi setiap proses pengauditan dengan merujuk kepada penguatkuasaan Kod Etika Juruaudit.	2026-2027	SAK, SAP, SAS, JAN Negeri
6.	Penyediaan <i>Conflict of Interest Declaration</i> .	2026	UI, UKNUU
7.	Mewajibkan <i>Conflict of Interest Declaration</i> bagi pegawai mengisytiharkan potensi konflik kepentingan sebelum tugas pengauditan.	2026-2030	SAK, SAP, SAS, JAN Negeri

STRATEGI 2: MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN TATAKELOLA PENGAUDITAN

No.	Pelan Tindakan	Tempoh Masa	Peneraju
Sub Strategi 2.1: Meningkatkan Kecekapan Melalui Tindakan Reflektif Yang Segera			
8.	Mengautomasi dan mendigitalkan tugas-tugas pengauditan melalui Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan.	2026-2030	BTMK, BAICT
9.	Mewujudkan Saluran Aduan Tatakelola yang bebas dan selamat, bagi membolehkan pemberi maklumat melaporkan cubaan penipuan atau rasuah kepada pihak yang bertanggungjawab.	2026-2030	UI, UKNUU

STRATEGI 3: MENGOPTIMUMKAN KEBERKESANAN PENGAUDITAN

No.	Pelan Tindakan	Tempoh Masa	Peneraju
Sub Strategi 3.1 Membudayakan Amalan Integriti Melalui Kod Etika Juruaudit			
10.	Pembudayaan amalan dan pemantauan mengejut terhadap pelaksanaan amalan Kod Etika Juruaudit.	2026-2030	SAK, SAP, SAS, JAN Negeri
11.	Melaksanakan program/kursus Kod Etika Juruaudit kepada pegawai JAN yang baru dilantik.	2026-2030	AAN



3.3

Bidang Keutamaan Pengurusan

- Memperkasa pengurusan Jabatan Audit Negara
- Mempertingkatkan kecekapan tatakelola pengurusan JAN
- Mengoptimumkan keberkesanan pengurusan JAN

Berkaitan tadbir urus yang lemah, ketidakpatuhan, salah guna kuasa, ketirisan maklumat dan konflik kepentingan

Diterajui oleh Sektor, Bahagian, Unit dan JAN Negeri



- Memantapkan kecekapan pengurusan kewangan termasuk ketelusan dalam aspek perolehan
- Memantapkan kecekapan pengurusan pendigitalan
- Meningkatkan kompetensi modal insan dan profesionalisme
- Meningkatkan penyampaian perkhidmatan

9 pelan tindakan spesifik

STRATEGI 1: MEMPERKASA PENGURUSAN JABATAN AUDIT NEGARA

No.	Pelan Tindakan	Tempoh Masa	Peneraju
Sub Strategi 1.1: Memantapkan Kecekapan Pengurusan Kewangan Termasuk Ketelusan Dalam Aspek Perolehan			
1.	Menambah baik SOP kawalan dalaman bagi pengurusan kewangan termasuk aspek perolehan agar lebih teratur, telus dan mematuhi peraturan semasa.	2026-2030	BKP
2.	Melaksanakan Kursus Pemantapan Pengurusan Perolehan Kerajaan kepada pegawai di Bahagian Perolehan bagi memberikan panduan serta pendedahan berhubung tatacara dan integriti dalam perolehan Kerajaan.	2026-2030	BKP
3.	Melaksanakan Naziran Pematuhan Perakaunan dan Kawalan Terimaan kepada Pusat Tanggungjawab JAN bagi memastikan proses kewangan dilaksanakan mengikut prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan.	2026-2030	BKP

STRATEGI 2: MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN TATAKELOLA PENGURUSAN JAN

No.	Pelan Tindakan	Tempoh Masa	Peneraju
Sub Strategi 2.1: Memantapkan Kecekapan Pengurusan Pendigitalan			
4.	Melaksanakan naziran dan pemantauan silang kepada proses dan tatakelola Pengurusan (perolehan/kewangan/ICT) Jabatan.	2026-2030	SAK, SAP, SAS, JAN Negeri
5.	Menjalankan inspektorat bagi memastikan pematuhan terhadap dasar, prosedur dan kawal selia berkaitan perolehan ICT.	2026-2030	BKP

STRATEGI 3: MENOPTIMUMKAN KEBERKESANAN PENGURUSAN JAN

No.	Pelan Tindakan	Tempoh Masa	Peneraju
Sub Strategi 3.1: Meningkatkan Kompetensi Modal Insan Dan Profesionalisme			
6.	Membangunkan garis panduan pelaksanaan penempatan dan pertukaran di JAN.	2026-2030	BPSM
7.	Menguatkuasakan Garis Panduan Pusingan Kerja (<i>Job Rotation</i>) yang telus dan strategik bagi mengurangkan risiko terhadap salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencegah amalan pilih kasih.	2026-2030	BPSM
8.	Pembangunan dan Pelaksanaan <i>Professional Specialist (PROSPECT)</i> .	2026-2030	BDA
Sub Strategi 3.2: Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan			
9.	Memperkasa Pelan Komunikasi dan meluaskan jangkauan program pemantapan tatakelola, integriti dan antirasuah secara strategik bagi membentuk ekosistem kerja berintegriti tinggi, meningkatkan kesedaran, pematuhan terhadap prosedur serta menginstitusikan daya tahan terhadap risiko salah laku, penyelewengan dan rasuah.	2026-2030	UI, UKK

04

PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN





“Sesiapa yang melakukan pengkhianatan, dia akan datang pada hari kiamat dengan apa yang dikhianatinya.”

Riwayat Sahih Muslim

4.1

Pelaksanaan Dan Pemantauan

Penglibatan dan kerjasama daripada pengurusan tertinggi, warga JAN dan pemegang taruh adalah penting bagi memastikan inisiatif PPRO JAN 2026-2030 dapat dilaksanakan dengan berkesan seiring dengan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024-2028 yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan PPRO JAN ditubuhkan untuk melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:

JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) JAN

- Berfungsi sebagai mekanisme tertinggi bagi membincangkan pelaksanaan dan pemantauan PPRO JAN.
- Menasihati dan mengenal pasti penyelesaian terbaik untuk PPRO.
- Membuat keputusan dan menetapkan dasar.

URUS SETIA UNIT INTEGRITI JAN

- Berperanan sebagai sekretariat bagi memantau, menilai dan melaporkan pencapaian PPRO JAN kepada JTK setiap suku tahun.

PENYELARAS PPRO SEKTOR/BAHAGIAN/ JAN NEGERI

- Memastikan setiap inisiatif dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan.
- Memastikan laporan pencapaian pelaksanaan PPRO dikemukakan kepada UI JAN pada setiap suku tahun



4.2 Penilaian



Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap inisiatif



Memastikan bahawa inisiatif dilaksanakan seperti yang dirancang



Menilai sama ada inisiatif menyokong ke arah objektif yang ingin dicapai



Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan

4.3 Semakan Semula Dan Pembaharuan

Semakan semula terhadap keberkesanan PPRO JAN akan dilaksanakan secara berkala bagi memastikan strategi dan inisiatif yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul.

Tindakan pembaharuan PPRO JAN akan dijalankan pada akhir tempoh pelan ini dan dikeluarkan pada tahun berikutnya.



05

PENUTUP





**“Semua penjawat awam
dilarang menerima sebarang
bentuk suapan atau rasuah,
sama ada secara langsung atau
tidak langsung, yang boleh
menjejaskan objektiviti dan
akauntabiliti tugas rasmi.”**

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
(SPRM) 2009 [Akta 694]

Penutup

PPRO JAN 2026–2030 mencerminkan komitmen berterusan JAN untuk membudayakan integriti, ketelusan dan akauntabiliti di setiap lapisan organisasi. Pelan ini menekankan reformasi pengauditan, pengantarabangsaan amalan audit serta integrasi AI dan analitik data untuk memperkukuh keberkesanan pengauditan dan pengesanan risiko.

Kejayaan pelaksanaan PPRO bergantung kepada pemerkasaan juruaudit melalui pengukuhan resiliensi, keberanian dan skeptisisme profesional, agar mereka kekal bebas, objektif dan berprinsip dalam menjalankan amanah. Dengan pelaksanaan pelan ini, JAN yakin dapat memperkukuh tadbir urus, mengurangkan risiko salah guna kuasa dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pengurusan kewangan serta pentadbiran negara.

Secara keseluruhannya, PPRO JAN 2026–2030 mencerminkan komitmen berterusan organisasi untuk membudayakan integriti, memperkukuh kawalan dalaman dan memantapkan tadbir urus.

Pelan ini diharap menjadi pemangkin kepada persekitaran kerja yang beretika, telus dan berakauntabiliti tinggi, seterusnya memperkukuh keyakinan rakyat terhadap pengurusan kewangan awam dan pentadbiran negara.

Akronim

AAN Akademi Audit Negara

AI *Artificial Intelligence*

BAICT Bahagian Audit ICT

BDA Bahagian Dasar Dan Hubungan Antarabangsa

BKP Bahagian Kewangan Dan Pentadbiran

BPSM Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

BTMK Bahagian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

CPI *Corruption Perceptions Index*

JAN Jabatan Audit Negara

KAN Ketua Audit Negara

PPJ Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan

SAK Sektor Audit Kewangan

SAP Sektor Audit Prestasi

SAS Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan

UI Unit Integriti

UKK Unit Komunikasi Korporat

UKNUU Unit Khidmat Nasihat Undang-Undang

Sekalung Penghargaan

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN

PELAN PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI (PPRO)

JABATAN AUDIT NEGARA 2026-2030

PENAUNG

YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi

PENGERUSI

Encik Mohd Shahril bin Yahya

AHLI JAWATANKUASA

Puan Zarina binti Md. Sidek
Dr. Shahrul Natasha binti Halid
Encik Mohamad Shahril Rizal bin Mohd Ishar
Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid
Ir. Sabira binti Abdul Samad
Puan Noor Fatihah binti Wan Hassan
Puan Nora Fauzana binti Zainal
Puan Marlina binti Mohd. Ariffin
Encik Aidy Hazuan bin Addynuar
Encik Shafreezal bin Sobri
Cik Noraty Fatimah binti Ahmad
Puan Poh Bin Khim
Puan Nik Haslina binti Nik Man
Encik Nazir Amir bin Johari

Puan Intan Nadia binti Yatim
Puan Ain Fatiha binti Aidil Fitri
Puan Fakhrana Hazrina binti Abdul Aziz
Ir. Ts. Muhammad Zulhilmi bin Rosli
Puan Nurul Awatis binti Zuraki
Encik Mohd Hafiz bin Nor Din
Encik Abang Fiqry Ruzail bin Basri
Encik Mohamad Fairus bin Mat Rasit @ M.Rashid
Puan Diana binti Abu Hassan
Encik Rajimin bin Mohd. Yaakob
Puan Soon Lay Fay
Puan Hamipah binti Abd. Hadi
Puan Noorasikin binti Mahmood

URUS SETIA

Puan Rusna binti Yahaya
Encik Abdul Razak bin Faharuddin
Puan Masyitoh binti Ahmad
Puan Mazlifah binti Mohtar
Puan Ratidah Ratno binti Abdullah

SIDANG REDAKSI

PELAN PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI (PPRO)
JABATAN AUDIT NEGARA 2026-2030

PENAUNG

YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi

PENASIHAT

Puan Norliza binti Md. Nuruddin@Nordin

PENGERUSI

Encik Mohd Shahril bin Yahya

AHLI JAWATANKUASA

Encik Mohd Fadhli bin Khalid
Dr. Shahrul Natasha binti Halid
Puan Siti Anisah binti Abdul Rafie
Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid
Encik Aidy Hazuan bin Addynuar
Puan Noor Fatimah binti Wan Hassan
Puan Nora Fauzana binti Zainal
Cik Noraty Fatimah binti Ahmad

Encik Nazir Amir bin Johari
Puan Intan Nadia binti Yatim
Ir. Ts. Muhammad Zulhilmi bin Rosli
Encik Mohd Hafiz bin Nor Din
Encik Abang Fiqry Ruzail bin Basri
Puan Norshahida binti Zolkiaply

URUS SETIA

Puan Rusna binti Yahaya
Encik Abdul Razak bin Faharuddin
Puan Masyitoh binti Ahmad
Puan Mazlifah binti Mohtar
Puan Ratidah Ratno binti Abdullah



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya

  jabatanauditnegara

www.audit.gov.my

